

27 November 2020

KENYATAAN MEDIA

SMEF Lancar Anugerah Kejururawatan SMEF-Rufaydah Baru Untuk Meluaskan Sokongan Bagi Bakal Petugas Perubatan Di Barisan Hadapan

1. Buat julung-julung kalinya pada tahun ini, Dana Pendidikan Muslim Singapura (SMEF) akan melancarkan anugerah baru yang dinamakan Anugerah Kejururawatan SMEF-Rufaydah bagi mengiktiraf pentingnya para jururawat yang berkhidmat di barisan hadapan dalam penjagaan perubatan terutamanya semasa pandemic COVID-19. Anugerah ini dinamakan sempena perawat pertama di dunia Islam, Rufaydah Al-Aslamiya, yang memperjuangkan pendidikan penjagaan kesihatan dan kerja kemanusiaan dalam tempoh hidupnya. Anugerah itu yang bernilai \$700 setiap satu, akan diberikan kepada pelajar kejururawatan tahun kedua atau ketiga diploma sepenuh masa di politeknik tempatan yang meminati bidang mereka, dan menunjukkan kecemerlangan akademik, sifat kepimpinan yang teguh dan minat mendalam untuk berkhidmat kepada masyarakat.
2. Dana, yang ditadbir oleh AMP Singapura, telah membuka permohonan untuk Biasiswa SMEF 2020 **mulai hari ini hingga 27 Disember 2020**. Pelajar yang berkelayakan boleh membuat permohonan dalam talian di bit.ly/SMEF2020.
3. Selain Anugerah Kejururawatan SMEF-Rufaydah, Biasiswa SMEF 2020 juga dibuka bagi pelajar Islam Singapura yang mengikuti pengajian ijazah perubatan dan undang-undang di luar negara, melalui Biasiswa Perubatan SMEF dan Biasiswa SMEF-Profesor Ahmad Ibrahim; serta Anugerah SMEF-Leftenan Adnan bagi pelajar diploma sepenuh masa di institusi pengajian tinggi di Singapura, yang telah mengatasi kesukaran dalam hidup dan menunjukkan ketabahan untuk terus cemerlang dalam pelajaran mereka, atau yang telah menunjukkan kualiti kepimpinan yang cemerlang dalam kumpulan beruniform sebagai aktiviti kokurikulum mereka. Setiap pemohon yang berjaya akan menerima wang tunai berjumlah \$3,000 untuk pelajar undang-undang, \$5,000 untuk pelajar perubatan, dan \$700 untuk penerima Anugerah SMEF-Leftenan Adnan masing-masing.
4. Untuk pertanyaan lanjut mengenai aplikasi, sila hubungi 6416 3966 atau emel corporate@amp.org.sg.

5. Sejak dilancarkan pada tahun 2013, SMEF telah membantu penerima biasiswa dan anugerahnya yang telah cemerlang dalam pengajian akademik mereka dan kini menyumbang semula kepada masyarakat dalam bidang masing-masing. Mereka termasuk Amirah Wasilah Abdul Wahid, 28, yang merupakan antara penerima Biasiswa Perubatan SMEF yang pertama, dan Siti Fatimah Shapiee, 22, yang menerima Anugerah SMEF-Leftenan Adnan pada tahun 2018 dan 2019. Kedua-dua penerima kini berkhidmat dalam bidang perubatan; Amirah merupakan seorang doktor di bahagian pernafasan di Hospital Changi, sementara Siti Fatimah menjalani program bekerja sambil belajar (internship) dalam pengajian diploma tahun terakhirnya di Politeknik Nanyang. **Profil mereka boleh didapati di lampiran Annex.**

6. Dana Pendidikan Muslim Singapura (SMEF) ditubuhkan oleh sekumpulan aktivis masyarakat, yang melihat perlunya menangani kekurangan perwakilan pelajar Melayu/Islam dalam bidang Undang-undang dan Perubatan. Dilancarkan pada tahun 2013, dengan AMP Singapura sebagai pentadbir dana tersebut, SMEF bertujuan untuk memberikan bantuan kewangan untuk meringankan beban kewangan para pelajar yang mengikuti pengajian undang-undang dan perubatan di luar negara melalui Biasiswa SMEF-Profesor Ahmad Ibrahim dan Biasiswa Perubatan SMEF masing-masing. Ia juga bertujuan untuk memberi kesedaran tentang pentingnya mengikuti program ijazah ini untuk memartabatkan masyarakat, melalui khidmat nasihat dan bimbingan pendidikan kepada para pelajar dan ibu bapa mereka mengenai pelbagai pilihan universiti yang ada. Pada masa yang sama, SMEF juga mengiktiraf para pelajar di pengajian tinggi yang berjaya mengatasi kesukaran dalam hidup dan menunjukkan ketabahan untuk terus cemerlang dalam pelajaran mereka, atau yang telah menunjukkan kualiti kepemimpinan yang cemerlang dalam kumpulan beruniform sebagai aktiviti kokurikulum mereka melalui Anugerah SMEF-Leftenan Adnan.

TAMAT